

## REPLIKA ISTANA KESULTANAN MELAYU MELAKA

Melaka sememangnya negeri yang kaya dengan kesan sejarah tanah air. Tinggalan sejarah tersebut menjadi daya tarikan utama para pelancong ke Melaka. Antara kawasan penting di bandar Melaka termasuklah di sekitar Bukit St. Paul yang suatu ketika dahulu pernah menjadi pusat empayar Kesultanan Melayu Melaka. Di sekitar bukit inilah terdapatnya bangunan Kota A Famosa, bangunan Stadthuys dan kesan tinggalan lain Portugis dan Belanda. Selain itu, di atas Bukit St. Paul masih terdapat kesan tapak Istana Kesultanan Melayu Melaka.

Istana yang dibina di atas Bukit St. Paul atau dahulunya dikenali sebagai Bukit Melaka ini dipercayai Istana Sultan Mansur Shah. Istana tersebut amat indah seperti yang digambarkan dalam *Sejarah Melayu* karangan Tun Seri Lanang. Kesan sejarah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka juga terdapat di sekitar bandar Melaka seperti Perigi Raja, Makam Hang Tuah di Tanjung Keling serta Makam Hang Jebat dan Hang Kasturi. Perigi Raja, misalnya digali atas perintah Sultan Mansur Shah untuk isterinya Puteri Hang Li Po dari negeri China. Perigi ini terletak di kaki Bukit Cina. Atas kesedaran tentang pentingnya kesan sejarah dipelihara, maka kerajaan negeri Melaka mengambil usaha dengan mencadangkan agar replika Istana Kesultanan Melayu Melaka didirikan untuk membangunkan semangat dan kegemilangan zaman empayar Melaka.

Hasrat ini dicetuskan oleh Ketua Menteri Melaka ketika itu, YAB Dato' Sri Abdul Rahim Tamby Chik. Sehubungan dengan itu, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) di bawah Pengurus Besar, Encik Mohd. Zam Abd. Wahab dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan hasrat ini. Sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka, Muzium Melaka dan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dibentuk bagi mengkaji dan mengumpulkan maklumat untuk mereka bentuk istana ini. Persatuan Pelukis Melaka kemudiannya diberikan tugas menyediakan model replika istana ini dan beberapa pengubahsuaian dibuat berdasarkan pandangan Jawatankuasa Petugas Pelancongan. Model replika istana ini kemudiannya dipamerkan di pejabat muzium bagi mendapatkan pandangan orang ramai tentang reka bentuk model tersebut. Akhirnya, model ini diserahkan kepada Bahagian Kejuruteraan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka untuk menyediakan pelan bangunan.

Pembinaan bangunan istana ini bermula pada bulan Oktober 1984 dan siap menjelang pertengahan tahun 1986. Pembukaan rasmi istana ini dilangsungkan pada 17 Julai 1986 oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Pembinaan replika Istana Kesultanan Melayu Melaka di atas tanah seluas 0.7 hektar ini menelan belanja sebanyak RM1.4 juta. Reka bentuknya mengetengahkan kehalusan seni ukiran corak bunga-bungaan dan tumbuh-tumbuhan tempatan yang dapat dilihat pada ukiran di dinding dan tiang istana. Selain sebagai replika Istana Kesultanan Melaka, replika ini berfungsi sebagai Muzium Budaya yang pertama seumpamanya di Malaysia.

Menurut *Sejarah Melayu*, Istana Kesultanan Melayu Melaka mempunyai 17 ruang yang panjang, iaitu setiap satunya mempunyai panjang 87.5 meter dan 40 pintu. Namun begitu, bagi tujuan pembinaan replika ini, reka bentuknya dikecilkan untuk disesuaikan dengan keluasan tapak kawasannya. Ukuran sebenar istana replika ini ialah 67.2 meter panjang, 18.5 meter tinggi dan 12 meter lebar. Istana ini mempunyai bumbung bertingkat. Bumbung yang pertama adalah yang terpanjang dan berukuran 75 meter panjang serta 12.5 meter lebar. Hujung setiap bumbung dibina melentik sedikit ke atas menyamai reka bentuk rumah Minangkabau. Istana ini ditegakkan oleh empat batang tiang seri, di samping sokongan pada tiap-tiap bahagian yang lain.

Pada bahagian hadapan istana, terdapat enam buah balai yang pada masa dahulu mempunyai kepentingan tersendiri. Peralatan, khususnya kayu yang digunakan untuk membina istana ini adalah daripada kayu tempatan seperti cengal, resak dan nyatoh, manakala atapnya diperbuat daripada kayu berlian dari Sarawak. Seperti pembinaan istana pada masa dahulu, istana ini didirikan tanpa menggunakan paku besi. Selain reka bentuknya yang menarik dan mempunyai pengaruh Minangkabau serta ukiran halus yang indah bermotifkan tumbuh-tumbuhan dan bunga-bungaan, replika Istana Kesultanan Melayu Melaka ini juga memuatkan bahan pameran.

Pada tingkat satu, terdapat ruang pameran umpama di balairung seri yang menggambarkan zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka seperti mengadap sultan dan peraturan istana yang lain. Pada tingkat dua pula dipamerkan tempat peraduan sultan serta bilik-biliknya, manakala pada tingkat tiga pula tempat simpanan segala khazanah. Pembinaan replika Istana Kesultanan Melayu Melaka ini bukan sahaja menambahkan binaan sejarah tanah air, tetapi juga memperlihatkan sejarah negeri Melaka yang telah dibuka oleh orang Melayu sehingga pernah muncul sebagai sebuah pusat empayar yang terbesar di Asia Tenggara pada abad ke-15.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.